

IBU KUNCI SEGALA-GALANYA

[IBU KUNCI SEGALA-GALANYA](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

ULASAN TENTANG RPWP OLEH TV AL-HIJRAH

[ULASAN TENTANG RPWP OLEH TV AL-HIJRAH](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

Menarik dari Kumpulan Sri Kenchana Tradisional Muzik

[Menarik dari Kumpulan Sri Kenchana Tradisional Muzik](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

SANGAT KEJAM! Rumah Kebajikan

Aniaya Anak Yatim

Friday, September 20, 2013



Bekas penghuni rumah anak yatim berkenaan menunjukkan bagaimana mereka melakukan 'pencak tarik power' mengikut ajaran pemimpin pertubuhan itu.

SANGAT KEJAM! Rumah Kebajikan Aniaya Anak Yatim (3 GAMBAR)

| **PUCHONG** – “Anak yatim tidak dibenarkan sama sekali membancuh milo yang penderma sumbang, kalau hendak minum kena beli di kafe kepunyaan rumah kebajikan itu,”demikian dakwa Nur, bekas sukarelawan sebuah rumah kebajikan yang berselindung disebalik nama pertubuhan anak yatim di sini.

Katanya, anak yatim ditempatkan di rumah berkenaan boleh diibaratkan seperti pengemis kerana meskipun sumbangan, diberi orang ramai melimpah ruah namun ia tidak dapat dinikmati mereka.

Lebih mengejutkan sumbangan wang tunai mencecah ribuan ringgit yang disumbangkan individu atau syarikat korporat, lenyap begitu sahaja dipercayai disalurkan kepada sebuah tabung lain dengan tujuan perniagaan.

Nur yang membongkarkan perkara terbabit berkata, segala-galanya bermula apabila dia mula menjadi sukarelawan di rumah kebajikan berkenaan pada 2007.

Pada awalnya kata Nur, dia tidak dapat menghidu penyelewengan itu sehinggalah anak-anak yatim berkenaan mendakwa mereka dipinggirkan.

Wang sumbangan termasuk duit raya yang didermakan orang ramai kepada penghuni rumah akan 'diambil' pengurusan dan anak-anak tidak diberi wang walau sesen pun dengan alasan mereka sudah menghuni rumah itu secara percuma.

Lebih menyedihkan anak-anak kecil yang melakukan persembahan di luar dari jam 7.30 pagi hingga kadang kala jam 10 malam dan diberi bayaran antara RM300 hingga RM400 oleh pihak tertentu juga tidak pernah dapat merasa wang itu.

"Apabila anak-anak berkenaan bertanyakan bahagian mereka, pihak pengurusan akan mengatakan wang berkenaan perlu disumbang ke dalam sebuah tabung.

"Pihak itu akan beritahu, duit disimpan dalam tabung adalah sebagai saham untuk perjuangan Islam," katanya.

Kepada anak-anak kecil pula kata Nur, pihak pengurusan akan memberitahu lebih banyak wang disimpan dalam tabung itu, lebih besar peluang mereka menunaikan haji dalam mimpi bersama seorang pemimpin pertubuhan itu yang sudah meninggal dunia.

"Bagi penghuni dewasa, pengurusan sering mengungkit isu mereka diberi peluang tinggal di situ secara percuma," ujarinya.



Nur menunjukkan buku mengenai pemimpin agung pertubuhan itu.
Nur berkata, dia pernah memegang duit mencecah RM1,000 hasil sumbangan orang ramai namun wang itu kemudian dijadikan modal untuk pertubuhan berkenaan membuka sebuah butik.

“Wang itu sepatutnya diagihkan untuk keperluan anak-anak, sayangnya mereka tergamak menggunakannya untuk tujuan lain dan tidak menggantikannya semula,”katanya.

Apabila ditanya mana wang itu, pihak pengurusan akan mendakwa mereka sudah bayar kepada anak-anak yatim sedangkan ia tidak berlaku.

Sekiranya didesak dan perkara itu dipertikaikan, pihak pengurusan sekali lagi minta supaya penghuni tidak berkira.

Kata Nur, pertubuhan kebajikan itu menerima pelbagai sumbangan setiap hari untuk keperluan penghuni, namun barang makanan diperolehi akan dijadikan modal perniagaan untuk kafe yang dibuka pihak pengurusan.

“Sakit hati apabila melihat mereka bertindak sedemikian, makanan sumbangan orang ramai, mereka jadikan barang jualan, kalau penghuni hendak minum kena bayar, siapa tiada duit kena

hutang, bila dapat duit sumbangan kena bayar balik,"katanya.

Bukan sahaja makanan, pakaian hasil sumbangan orang ramai juga perlu dibayar penghuni kepada pihak pengurusan menggunakan wang bantuan diterima.

Paling dikesali Nur, barang makanan sumbangan orang ramai juga kadang kala dikumpul dan dihantar untuk kegunaan perniagaan restoran yang dijalankan pertubuhan itu di luar negara sedangkan penghuni sendiri langsung tidak diberi peluang menikmatinya.

Pernah menurut Nur, penyumbang menghantar ikan segar ke rumah pertubuhan berkenaan, namun tidak lama selepas itu akan datang sebuah van dan membawa semua bekalan lauk pergi.

"Anak-anak hanya dihidangkan sardin dan ikan masin sahaja sedangkan ada pelbagai jenis hidangan lazat dihantar mereka yang bersimpati dengan nasib anak yatim. Hanya ikan murah, sudah pecah perut dan kurang segar ditinggalkan untuk dimakan anak-anak yatim," katanya.

"Bila pihak atau syarikat luar buat program di situ sahaja anak-anak yatim boleh makan sedap," ujarnya lagi.

Jelas Nur, hakikatnya pertubuhan itu dianggap paling kaya dengan limpahan sumbangan pihak-pihak yang bermurah hati.

Setiap kali menjelang perayaan, pelbagai pihak akan datang memberi bantuan dan menjemput anak-anak membeli keperluan raya di luar.

Namun katanya, anak-anak yatim sebenar hanya meminjamkan tubuh badan mereka sahaja untuk pengukuran saiz sedangkan pakaian itu tidak sampai ke tangan mereka.

Sekiranya, dijemput membeli pakaian raya lebih 10 kali pun, sehelai baju pun anak-anak yatim tidak dibenarkan ambil.

"Pada malam raya apabila penghuni pulang ke rumah saudara-mara

atau ibu yang masih ada, anak-anak jemaah sebuah pertubuhan akan datang ambil pakaian milik anak yatim itu," katanya.

Bagi anak-anak yatim peringkat sekolah menengah, mereka akan dapat peluang mengikut agensi atau syarikat penyumbang membeli pakaian raya tetapi sekali sahaja.

Yang lainnya akan diberi giliran kepada anak-anak jemaah sedangkan mereka mempunyai ibu dan bapa.

"Puluhan tong biskut raya yang diterima pusat kebajikan itu juga tidak diberi kepada anak-anak yatim untuk dibawa pulang ke rumah mereka," katanya.

Menyentuh hal beriadah di luar, Nur berkata pihak pengurusan pertubuhan kebajikan itu akan buat surat minta tajaan pihak luar.

Meskipun tajaan sudah diperolehi, anak-anak yatim tetap kena bayar menggunakan duit yang ada pada mereka termasuk bantuan kewangan diberikan oleh sekolah.

Orang luar ada juga yang mengambil anak-anak yatim sebagai anak angkat, mereka perlu masukkan duit ke dalam tabung pengurusan bukan terus ke dalam akaun bank anak-anak sendiri.

Duit bulanan sebanyak RM300 juga tidak sampai kepada anak-anak menyebabkan baju sekolah tidak dibeli baru dan mereka dalam keadaan selekeh ke sekolah.

Bila ditanya ke mana duit anakanak yatim pemberian ibu bapa angkat mereka, pihak pengurusan kata tidak perlu bazir keluar duit beli baju sekolah anak-anak kerana boleh minta sumbangan daripada orang lain pula.

Apabila sudah dicarikan tajaan untuk keperluan anak-anak, duit itu diambil dan dibuat perkara lain.

Pernah satu ketika, Nur berkata, dia dimarahi kerana menggunakan wang sumbangan orang ramai untuk mendaftarkan

anak-anak tidak bersekolah ke tadika.

“Pihak pengurusan kata tidak boleh gunakan wang sumbangan hantar anak-anak ke sekolah sedangkan pada saya itu memang hak anak-anak tetapi saya dimarahi dan mereka katakan biar orang ramai lain bayarkan, jangan bayar nanti rugi,” katanya.



Nur mendedahkan penyelewengan berlaku di rumah amal berselindung di sebalik nama pertubuhan anak yatim kepada wartawan Sinar Harian, Nur Farhana Abdul Manan.

Guna anak yatim raih simpati

Anak yatim diletakkan di hampir 100 pertubuhan kebajikan rumah amal di seluruh negara dikatakan hanya sebagai strategi pihak tidak bertanggungjawab bagi meraih simpati orang ramai.

Kewujudan pendaftaran untuk warga emas, ibu tunggal dan orang kampung yang miskin juga dikatakan menjadi salah satu taktik pusat kebajikan dinaungi pertubuhan di negara ini bagi mendapatkan lebih banyak sumbangan.

Nur mendakwa, bantuan yang diberikan kepada golongan itu hanya diberi sekali sekala untuk menutup mata awam mengenai aktiviti dilakukan pihak terbabit.

Pengurusan pertubuhan biasanya tidak memberi bantuan berterusan dan kadang kala mereka yang berdaftar dengan pertubuhan akan dilayan secara kasar sekiranya mahu meminta sumbangan walau sekampit beras.

“Ada warga emas atau orang miskin yang kadang-kadang terpaksa tunggu dari pagi sampai petang hanya untuk dapat sekampit beras sedangkan beras banyak di stor, kadangkadang mereka disuruh balik.” Apabila saya tanya mengapa tidak beri beras sedangkan bekalan ada, jawab pihak pengurusan tidak perlu tolong orang miskin selalu dan perlu lebih mementingkan mereka yang berada di sekeliling pemimpin pertubuhan itu,” katanya.

Sumbangan diberi orang ramai kepada pertubuhan adalah milik pemimpin dan hanya boleh diedar untuk rumah pemimpin sahaja. “Akibatnya, anak-anak yatim kecil dan dewasa hidup bagaikan pengemis duduk situ, ramai antara mereka yang sudah besar keluar, yang tinggal hanya anak jemaah,” katanya.

Anak-anak kecil yang menghuni pertubuhan kebajikan di situ jelas Nur akan didoktrinkan untuk taksu kepada pemimpin dan mengamalkan ajarannya. Untuk mengetahui lebih terperinci ‘ajaran’ di rumah kebajikan itu, Nur mendakwa dia meletakkan anaknya sebagai penghuni untuk menyiasat perkara berkenaan.

Selepas media melaporkan mengenai kegiatan di rumah pertubuhan itu baru-baru ini, ramai anak yatim yang sudah keluar, yang tinggal hanya beberapa orang sahaja, yang lain semua anak jemaah.

“Tidak tahu ke mana hala tuju anak-anak yatim ini bila mereka keluar dari rumah berkenaan kerana majoriti mereka tidak dipantau semasa di pertubuhan dan apabila keluar dari rumah.

“Bila polis hendak buat program, mereka akan pesan anak-anak sorok gambar pemimpin pertubuhan itu, jangan sebut namanya, kalau orang tanya kenal atau tidak, kata tidak kenal,” katanya.

Amalan pelik selepas solat

Menurut Nur penghuni pertubuhan kebajikan akan solat mengikut waktu namun yang menghairankan wujud pertambahan bacaan. Jika ada tetamu datang berkunjung, penghuninya akan solat seperti biasa namun jika sebaliknya kesemua mereka wajib membaca zikir memuja pemimpin pertubuhan itu yang sudah meninggal dunia.

Apabila Hari Raya pula, mereka tidak solat di surau atau masjid tetapi di surau sendiri dan akan membaca khutbah mengenai pemimpin mereka yang kononnya memiliki seribu satu keajaiban. Kanak-kanak kecil dipesan supaya tidak melakukan amalan pelik itu di depan orang dan tidak menceritakannya kepada sesiapa sahaja.

Katanya, sesiapa yang tidak mahu mengamalkan 'pencak' dan zikir berkenaan akan dimarahi. Amalan ini turut disedari penjaga sehingga ada yang mengambil keputusan membawa anak-anak yatim keluar dari rumah itu.

"Bila ada orang meninggal, golongan jemaah akan kata mudahmudahan ditempatkan bersama pemimpin yang sudah meninggal itu," katanya. Bagi mereka beruntunglah sesiapa yang dapat duduk dengannya. Lepas Maghrib, kesemua jemaah dan anak-anak akan buat 'pencak tarik power' hingga Isyak.

Ketika aktiviti itu dilakukan, mereka tidak dibenarkan sama sekali membawa telefon bimbit dan tidak boleh merakam gambar.

Pengakuan anak yatim perempuan 10 tahun

' ' Abah (bukan sebutan sebenar tetapi ganti panggilan kepada pemimpin pertubuhan itu yang sudah meninggal dunia) tolong selamatkan kami dari sihir... tolong beri kami program banyak... dapat makanan banyak...' itu antara zikir yang perlu dibaca anakanak yatim pertubuhan berkenaan. Menurut bekas penghuni rumah anak yatim itu, setiap hari selepas solat Subuh, mereka akan buat pencak kemudian berzikir menyebut nama pemimpin itu supaya menolong mereka... Abah tolong kami... sebanyak 50 hingga

100 kali.

Menyentuh soal makanan, meski sumbangan banyak, mereka tidak boleh tambah nasi dan lauk, sekiranya berdegil akan dipanggil 'anak setan'. "Orang sumbang macam-macam tetapi kami tidak dapat rasa, ayam seketul pun kena berkongsi," katanya.

Pengakuan anak yatim lelaki 10 tahun

Bagi bekas penghuni yang mahu dikenali sebagai Muhammad, dia sedar amalan-amalan diajar di rumah berkenaan pelik dan tidak masuk akal, namun setelah lama menghuni rumah tersebut, perkara itu menjadi kebiasaannya.

Biasanya penghuni akan disuruh menolak syaitan dengan kaedah berdiri sambil menolak dan menarik tangan ke depan ke belakang. "Benda ini kena buat secara bersembunyi, kalau ada tetamu datang kena solat biasa, belakang-belakang kena baca zikir itu," katanya. Kalau tidak buat, akan dipukul dengan batang bendera dan dicubit sehingga rasa macam nak terkencing.

"Mak yang keluarkan saya dari rumah itu bila nampak ada yang pelik," katanya. Sejak menghuni rumah itu Muhammad berkata, dia hanya memperoleh duit belanja sekolah 50 sen sehari, kadang-kadang tidak diberi meski pun tahu banyak sumbangan diperolehi rumah berkenaan.

Pengakuan anak yatim perempuan 17 tahun

"Langsung tiada baca doa memohon kepada ALLAH, kalau nak minta sesuatu mesti mohon daripada 'Abah'," kata bekas penghuni rumah berkenaan yang melarikan diri kerana tidak sanggup mengamalkan ajaran pelik di rumah anak yatim itu. Katanya, jemaah yang dewasa ada tasbeih sendiri berbentuk seperti gelang dan dipakai di tangan.

"Bila orang tiada mereka akan berzikir menyebut 'Abah', saya tidak tahan duduk sana, duit sumbangan orang ramai diberi kepada kami diambil selepas itu kena pula amal ajaran bukan-

bukan,” katanya.– [Sinar Harian](#)

[RUSUHAN DI UM DAN PERLANGGARAN RUKUN NEGARA](#)

[RUSUHAN DI UM DAN PERLANGGARAN RUKUN NEGARA](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

[TUNTUTAN WASOTIYYAH SEBENAR – SECARA ALAM BUKAN SEKADAR KALAM](#)

[TUNTUTAN WASOTIYYAH SEBENAR – SECARA ALAM BUKAN SEKADAR KALAM](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

[RPWP di Majalah Islam TV Al-Hijrah](#)

[RPWP di Majalah Islam TV Al-Hijrah](#)

PERIHAL ANJING & MENGANJING DALAM ISLAM

[PERIHAL ANJING & MENGANJING DALAM ISLAM](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

Ampunilah Kami Wahai Anak

[Ampunilah Kami Wahai Anak](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

ALTERNATIF PENDIDIKAN TERBAIK ANAK RIJAL

[ALTERNATIF PENDIDIKAN TERBAIK ANAK RIJAL](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

RAHSIA KERUKUNAN HIDUP RUMAH PENGASIH WARGA PRIHATIN

[RAHSIA KERUKUNAN HIDUP RUMAH PENGASIH WARGA PRIHATIN](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

PEMBEDAHAN SCOLIOSIS ADINA MENCATAT SEJARAH

[PEMBEDAHAN SCOLIOSIS ADINA MENCATAT SEJARAH](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

Drama Paling Real dan mengusik hati

[Drama Paling Real dan mengusik hati](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

TIPS MENGURANGKAN GEJALA GEDIK ANAK PEREMPUAN

TIPS MENGURANGKAN GEJALA GEDIK ANAK PEREMPUAN

Post by [Warga Prihatin](#).

Dokter Rawat Ketagihan Seks & Arak Guna ROTAN

Hikmah disebalik rotan



Adakah anda menggunakan rotan untuk mengajar anak anda? Jika perlu, saya akan menggunakan alat didikan tersebut. Ketahuilah, sesungguhnya Rasulullah SAW telah berpesan supaya setiap ibubapa perlu mengajar anak-anak sembahyang semasa umur mereka 7 tahun. Sekiranya anak-anak tidak mahu sembahyang pada umur 10 tahun, Rasulullah SAW mengajar supaya pukul mereka dengan rotan dengan cara-cara yang telah ditetapkan dalam Islam.

Dalam ilmu Physiology(Fisiologi), kanak-kanak begitu mudah dalam mempelajari sesuatu. Jika ibubapa memukul(merotan) anak-anak, akan berlakunya learning process dalam otak mereka. Merotan atau dalam Physiologynya dikenali sebagai noxious stimulus (rangsangan sakit), akan mempercepatkan firing level

urat saraf dalam otak untuk mudah belajar & memahami sesuatu perkara.



Subhanallah...Rasulullah SAW berpesan pada 1400 tahun yang lalu. Tetapi, para saintis baru menemuinya pada 20-30 tahun baru-baru ini. Hebatnya Islam. Maka banggalah anda menjadi umat Nabi Muhammad SAW. Satu-satunya agama yang mulia disisi ALLAH SWT. Wallahualam...

Tambahan: Untuk pemahaman istilah secara lebih mendalam, boleh rujuk kepada pelajar perubatan. □

<http://usramedic.blogspot.com/>



Seorang doktor menemui cara rawatan yang ganjil untuk membantu penagih merotan mereka.

Pesakit yang termasuk [penagih seks](#) dan ketagih bekerja, kini boleh menemui kaunselor untuk disebat dengan rotan sebanyak 60 kali.

Kini, terapi aneh itu diisytiharkan sebagai pencapaian baru

dalam rawatan psikologi oleh pakar selepas satu cubaan merawat menggunakan teknik itu dilakukan di Siberia, Russia.

Dalam satu temu janji, pesakit akan dirotan sebelum sesi konvensional bercakap dan meluahkan perasaan mereka.

Rawatan itu diasaskan oleh Pengarah Pengajian Biologi di Institut Perubatan Novosibirsk, Dr Sergei Speransky, yang mengaku pernah dirotan bagi mengatasi tekanan dihadapinya.

“Pesakit berpendapat rawatan itu berjaya memulihkan mereka selepas rawatan lain gagal. Saya juga berjaya mengatasi masalah yang dihadapi sebelum ini. Saya bukanlah kejam tetapi saya mengesyorkan ia cara terbaik untuk merawat ketagihan,” katanya kepada akhbar The Siberian Times..

Teori yang diasaskannya itu kini diteruskan oleh pakar psikologi, Dr German Pilipenko dan Profesor Marina Chukhrova yang mendakwa sudah merawat lebih 1,000 pesakit.

Pasangan itu mendakwa hampir semua pesakit yang mereka rawat berjaya mengatasi ketagihan masing-masing.

“Kami merotan pesakit pada punggung dengan tujuan perubatan semata-mata,” katanya.

Untuk satu sesi rawatan, pesakit dikenakan 3,000 rouble (RM275).

Mereka perlu menjalani rawatan rotan itu dua kali seminggu selama tiga bulan dan rawatan susulan setiap empat minggu pada tahun berikutnya.

Pesakit terdiri daripada lelaki dan wanita yang berusia antara 17 dan 70 tahun.

Penagih tegar, termasuk penagih heroin, biasanya dirotan 60 kali sementara kaki botol dan penagih lain, 30 kali.

Dahan pokok biasanya digunakan untuk tujuan itu kerana ia

mudah lentur dan tidak menyebabkan berdarah.

Pesakit akan menjalani elektrokardiogram terlebih dulu untuk memastikan sebatan itu tidak akan menyebabkan mereka diserang sakit jantung.

Menurut kedua-dua pakar perubatan itu, beberapa pelanggan mereka terdiri daripada selebriti dan warga asing sudah mula datang ke Siberia untuk menjalani rawatan itu.

Rawatan itu mungkin dilihat kejam tetapi kedua-dua pakar itu menegaskan, ia bukan hukuman untuk memalukan mereka.

Rujukan: <http://wowberita.org>

BUANG BAYI – PENGALAMAN SEORANG AHLI USRAH DI SHAH ALAM

[BUANG BAYI – PENGALAMAN SEORANG AHLI USRAH DI SHAH ALAM](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

AMALAN SEKS BEBAS DI KALANGAN

REMAJA – SATU BENCANA YANG NYATA

AMALAN SEKS BEBAS DI KALANGAN REMAJA – SATU BENCANA YANG NYATA


Post by [Warga Prihatin](#).

FAKIR DAN MISKIN: ISTILAH YANG DISALAH ERTI

FAKIR DAN MISKIN: ISTILAH YANG DISALAH ERTI

Post by [Warga Prihatin](#).

ANTARA DALIL MENGENAI FAKIR DAN MISKIN DARI ALQURAN



ANTARA DALIL MENGENAI

FAKIR DAN MISKIN DARI ALQURAN

PERIHAL MISKIN MENURUT ALQURAN

QS:5. Al Maa'idah 95 "... atau membayar kaffarat dengan memberi makan orang-orang MISKIN.."

QS:51. Adz Dzaariyaat 19. Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang MISKIN yang meminta dan orang MISKIN yang tidak mendapat bagian.

QS:2/184 Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya membayar fidyah: memberi makan seorang MISKIN.

QS:74. Al Muddatstsir 44. dan kami tidak memberi makan orang MISKIN,

QS:69. Al Haaqqah 34. Dan juga dia tidak mendorong untuk memberi makan orang MISKIN.

QS:58. Al Mujaadilah 4. Barangsiapa yang tidak mendapatkan, maka wajib berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum keduanya bercampur. Maka siapa yang tidak kuasa, memberi makan enam puluh orang MISKIN.

QS:17. Al Israa' 26. Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang MISKIN dan orang yang

dalam perjalanan dan janganlah kamu menghambur-hamburkan secara boros.

QS:4. An Nisaa' 36. Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatupun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang-orang MISKIN, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri,

QS: 4. An Nisaa' 8. Dan apabila sewaktu pembagian itu hadir kerabat, anak yatim dan orang MISKIN, maka berilah mereka dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang baik.

QS:4. An Nisaa' 6. Dan ujilah anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk kawin. Kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas, maka serahkanlah kepada mereka harta-hartanya. Dan janganlah kamu makan harta anak yatim lebih dari batas kepatutan dan tergesa-gesa sebelum mereka dewasa. Barang siapa mampu, maka hendaklah ia menahan diri dan barangsiapa yang MISKIN, maka bolehlah ia makan harta itu menurut yang patut. Kemudian apabila kamu menyerahkan harta kepada mereka, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi bagi mereka. Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas.

QS:2. Al Baqarah 215. Mereka bertanya tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang MISKIN dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." Dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.

QS: 5. Al Maa'idah 89. Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud, tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja, maka kaffarat sumpah itu, ialah memberi makan sepuluh orang MISKIN, yaitu dari makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu, atau

memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang budak.

QS:2. Al Baqarah 83. Dan, ketika Kami mengambil janji dari Bani Israil: Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, dan orang MISKIN, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah shalat dan tunaikan zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling.

QS: 107. Al Maa'uun 3. dan tidak menganjurkan memberi makan orang MISKIN.

QS: 89. Al Fajr 18. dan kamu tidak saling mengajak memberi makan orang MISKIN,

QS: 76. Al Insaan 8. Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang MISKIN, anak yatim dan orang yang ditawan.

QS: 90. Al Balad 16.

12. Tahukah kamu apakah jalan yang mendaki lagi sukar itu?

13. memerdekakan budak (dari diperbudakan),

14. atau memberi makan pada hari kelaparan,

15. anak yatim yang ada hubungan kerabat,

16. atau kepada orang MISKIN yang sangat susah

17. Dan dia termasuk orang-orang yang beriman dan saling berpesan untuk bersabar dan saling berpesan untuk berkasih sayang.

18. Mereka adalah golongan kanan.

19. Dan orang-orang yang kafir kepada ayat-ayat Kami, mereka itu adalah golongan kiri.

PERIHAL FAKIR MRNURUT ALQURAN

QS:24. An Nuur 32. Dan kawinkanlah orang-orang yang sedirian diantara kamu, dan orang-orang yang layak dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan. Jika mereka FAKIR Allah akan memampukan mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha luas (pemberian-Nya) lagi Maha Mengetahui.

QS:3. Ali 'Imran 181. Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah FAKIR dan kami kaya." Kami akan mencatat perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar, dan Kami akan mengatakan: "Rasakanlah olehmu azab yang mem bakar."

QS: 4. An Nisaa' 135. Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun FAKIR, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.

QS: 2. Al Baqarah 177. Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang MISKIN, musafir dan orang-orang yang meminta-minta; dan hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar; dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

QS: 59. Al Hasyr 8. Bagi orang FAKIR yang berhijrah yang diusir dari kampung halaman dan dari harta benda mereka (karena) mencari karunia dari Allah dan keridhaan-Nya dan mereka menolong Allah dan RasulNya. Mereka itulah orang-orang yang benar.

QS: 22. Al Hajj 28. supaya mereka menyaksikan berbagai manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan atas rezki yang Allah telah berikan kepada mereka berupa binatang ternak. Maka makanlah sebahagian

daripadanya dan berikanlah untuk dimakan orang-orang yang sengsara dan FAKIR.

QS: 2. Al Baqarah 271. Jika kamu menampakkan sedekah, maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang FAKIR, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebagian kesalahan-kesalahanmu; dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

QS: 2. Al Baqarah 272. Bukanlah kewajibanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk, akan tetapi Allah-lah yang memberi petunjuk siapa yang dikehendaki-Nya. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan, maka pahalanya itu untuk kamu sendiri. Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan karena mencari keridhaan Allah. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan, niscaya kamu akan diberi pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikitpun tidak akan dianiaya.

QS: 2. Al Baqarah 273. Bagi orang-orang FAKIR yang terikat di jalan Allah; mereka tidak dapat berusaha di bumi; orang yang jahil menyangka mereka orang kaya karena memelihara diri dari minta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengatahui.

[Peribadi mulia Mak Usu](#)

[Peribadi mulia Mak Usu](#)

Post by [Warga Prihatin](#).